

Perkembangan Industri Minyak dan Gas Sabah (1881–1980): Penelitian Terhadap Eksplorasi di Laut China Selatan

The Development of the Oil and Gas Industry in Sabah (1881– 1980): An Examination of the Exploration in the South China Sea

AMY AZUAN ABDULLAH¹

*YEW MENG LAI²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

²Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

*Corresponding author: lyewmeng@ums.edu.my

Published online: 31 October 2022

To cite this article: Amy Azuan Abdullah and Yew Meng Lai. 2022. Perkembangan industri minyak dan gas Sabah (1881–1980): Penelitian terhadap eksplorasi di Laut China Selatan. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 29(2): 177–210. <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.2.9>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2022.29.2.9>

Abstract. *This study focuses on oil and gas exploration in the South China Sea (SCS) from the period of the British North Borneo Company's (BNBC) administration of North Borneo in 1881 until the introduction of the National Cabotage Policy (Malaysia) on 1st January 1980. The interesting history of Sabah's oil and gas exploration needs to be revisited especially following the establishment of Petroliam Nasional Berhad or Petronas in 1974 which has enabled Sabah to be supplied with oil and gas resources produced from the offshore wells in 1980. This analysis relies heavily on primary sources in the form of official documents, reports and newspapers obtained from the Sabah State Archives (SSA), Malaysia. The study found that, although oil exploration of North Borneo or Sabah was initially carried out by BNBC since 1881, it was only strengthened after the end of the Japanese occupation. This development became more pronounced following the changes in the rule-based international system, notably the introduction of maritime law starting from the 1950s, which provided opportunities to both the British and Sabah governments through various companies, to conduct offshore oil exploration in the SCS. Oil exploration activities in the SCS area have proven to be lucrative, especially in terms of its contribution to the Malaysian economy.*

Keywords and phrases: *British North Borneo Company (BNBC), North Borneo oil and gas, Sabah, South China Sea, oil exploration*

Abstrak. Kajian ini memfokuskan tentang eksplorasi minyak dan gas di Laut China Selatan (LCS) dari tahun 1881 ketika British North Borneo Company (BNBC) mentadbir Borneo Utara dan terbatas sehingga pengenalan Dasar Kabotaj Negara (Malaysia) pada 1 Januari 1980. Rentetan sejarah yang menarik berkenaan eksplorasi minyak dan gas Sabah perlu diamati semula khususnya setelah Petroliam Nasional Berhad atau Petronas ditubuhkan pada tahun 1974 yang membolehkan Sabah dibekalkan dengan sumber minyak dan gas yang dihasilkan dari telaga luar pantai Sabah pada tahun 1980. Kajian ini banyak bergantung kepada sumber primer dalam bentuk dokumen rasmi, laporan dan akhbar yang diperolehi dari Arkib Negeri Sabah (ANS), Malaysia. Kajian mendapati bahawa walaupun percubaan eksplorasi minyak Borneo Utara atau Sabah kemudiannya telah dilaksanakan oleh BNBC semenjak tahun 1881, kegiatan tersebut hanya diperkukuh selepas tamat tempoh pendudukan Jepun. Perkembangan ini semakin ketara apabila berlaku perubahan dalam sistem antarabangsa yang bersifat *rule-based* yakni pengenalan undang-undang kelautan bermula dari tahun 1950-an yang telah memberi peluang kepada British dan kerajaan Sabah, melalui pelbagai syarikat yang dilantik, untuk menjalankan eksplorasi minyak ke kawasan luar pantai di LCS. Kegiatan cari gali minyak sehingga ke kawasan LCS terbukti membuahkan hasil khususnya dalam memakmurkan ekonomi Malaysia.

Kata kunci dan frasa: British North Borneo Company (BNBC), minyak dan gas Borneo Utara, Sabah, Laut China Selatan, eksplorasi minyak

Pengenalan

Perkembangan menggemparkan berkenaan penemuan minyak dan gas di Brunei dan Sarawak telah mendorong British North Borneo Company (BNBC) melakukan eksplorasi secara serius terhadap prospek minyak dan gas di Borneo Utara seawal tahun 1897. Pada masa yang sama, tidak dinafikan bahawa Borneo Utara atau Sabah mengalami kelewatan dalam kebergantungan terhadap hasil minyak dan gas. Keadaan ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan situasi yang berlaku di wilayah jajahan British-Borneo yang lain seperti Brunei dan Sarawak. Sesungguhnya, sumber minyak sememangnya sangat dinanti-nantikan oleh BNBC dengan tanggapan bahawa hasil bumi ini mampu merubah masa depan Borneo Utara (*The Singapore Free Press and Mercantile Adviser* 1924, 6).

Kajian ekstensif yang dilakukan oleh ahli geologi terhadap minyak di Borneo Utara telah menghasilkan pelbagai data geologikal. Namun demikian, sehingga tahun 1949, kajian yang dilakukan belum mampu menemui rizab minyak yang memberangsangkan bagi Borneo Utara. Keadaan ini dipercayai akibat daripada kekurangan teknologi moden yang mengekang usaha untuk menemui rizab minyak yang besar di Borneo Utara. Hal yang sama juga dipercayai pernah berlaku kepada Brunei yang melakukan kajian hampir 25 tahun, namun akhirnya menjadi antara negara terbesar bergantung kepada hasil perlombongan minyak bagi negara

Komanwel sezamannya pada tahun 1949. Seterusnya, prospek minyak dan gas di wilayah British-Borneo ini sebenarnya banyak ditemui di Laut China Selatan (LCS) berhampiran Brunei, Sarawak dan Borneo Utara. Persamaan ini akhirnya mendorong kerajaan British semasa Sabah di bawah kerajaan *Crown Colony* (Tanah Jajahan Mahkota Inggeris) untuk melakukan penerokaan sehingga ke kawasan luar pantai Borneo Utara menjelang tahun 1958.

Hasil minyak Sabah akhirnya berjaya dinikmati menjelang tahun 1970-an dengan inisiatif kerajaan Sabah melalui beberapa syarikat milik British, Amerika Syarikat, Perancis dan Jepun yang mendapat permit atau lesen cari gali minyak di Sabah. Keadaan ini telah menimbulkan beberapa persoalan kajian untuk menjelaskan kedinamikan yang mempengaruhi perkembangan aktiviti eksplorasi minyak dan gas Sabah di LCS. Antara persoalan yang timbul adalah tentang kronologi atau evolusi aktiviti eksplorasi minyak dan gas Sabah di LCS berdasarkan tiga fasa berbeza antara tahun 1881 dan 1941, tahun 1942 dan 1963, dan antara tahun 1964 dan 1980. Berdasarkan perbincangan dalam tiga fasa tersebut, kajian sejarah yang bersifat *exploratory* (penerokaan) ini cuba menjawab persoalan-persoalan tentang pihak yang terlibat secara aktif serta kedinamikan yang mempengaruhi perkembangan aktiviti eksplorasi minyak dan gas Sabah di LCS.

Kajian berkenaan sumber minyak dan gas di LCS hanya mendapat perhatian daripada ahli perundangan, ahli geostrategi dan ahli geologi menjelang tahun 1990-an, ketika LCS mula menjadi medan pertembungan ideologi dan ekonomi di antara kuasa Asia, khususnya China, dan kuasa Barat termasuklah Amerika Syarikat. Kebanyakan karya-karya yang membincangkan isu ini lebih berminat mengeluarkan data berkenaan potensi kekayaan sumber minyak dan gas LCS merangkumi kawasan yang dipertikaikan, misalnya di gugusan Kepulauan Paracel dan Kepulauan Spratly (Ramkumar et al. 2020; Hayton 2015; Savage 2011; Zhang 2011; Snildal 2000; Garver 1992; Joo 1979). Dalam skop penulisan sejarah dan eksplorasi minyak Sabah, tiada penulisan yang secara spesifik membincangkan perkembangan industri ini. Kebanyakan karya lepas adalah bersifat umum seperti penulisan sejarah eksplorasi di Borneo Utara (Burt 1905) dan terhad kepada penulisan berdasarkan bidang geologi (Muda 2010; Mohamad Jamaal dan Mohd Nasir 1995; Awang Sapawi, Mona Liza dan Eric 1991). Antara aspek yang dibincangkan dalam kajian geologi adalah berkenaan jumpaan tirisian minyak semula jadi di Kudat, kajian hidrokarbon terhadap lapangan luar pantai Sabah dan kajian geokimia minyak mentah Sabah.

Walaupun demikian, tidak dinafikan bahawa terdapat perbincangan secara sepintas lalu berkenaan aktiviti eksplorasi minyak dan gas Sabah dalam beberapa penulisan awal historiografi Sabah, misalnya oleh Tregonning (1965), Muhammad Anuar

(1978) serta Sullivan dan Leong (1981) yang memberikan satu gambaran awal tentang aktiviti eksplorasi minyak di daratan dan lautan Borneo Utara. Penulisan-penulisan tersebut membantu penghasilan makalah ini bagi memahami beberapa sejarah awal eksplorasi sumber mineral serta minyak dan gas khususnya melalui penglibatan individu dan syarikat cari gali minyak terawal di Borneo Utara. Selain itu, penulisan tentang kegiatan syarikat cari gali minyak pernah dihasilkan, namun hanya memfokus kepada syarikat milik Jepun seperti yang dinyatakan oleh Md Saffie (2016) ketika menjelaskan tentang kegiatan ekonomi Jepun di Sabah dari tahun 1950-an sehingga 1980-an. Realitinya, aktiviti dan kegiatan eksplorasi minyak di Borneo Utara atau Sabah banyak dilakukan di kawasan luar pantai LCS oleh syarikat Shell dan Esso, tetapi belum pernah didokumentasikan dalam bentuk penulisan. Terdapat keperluan untuk meneliti semula perkembangan eksplorasi hidrokarbon di Sabah yang melibatkan pelbagai syarikat cari gali sekali gus bertindak sebagai pencetus dalam memahami permasalahan industri minyak dan gas Sabah.

Justeru, penulisan makalah ini adalah bertujuan untuk menjelaskan secara terperinci kegiatan eksplorasi minyak dan gas di LCS yang diusahakan oleh BNBC dengan fokusnya terhadap wilayah daratan dan lautan di Borneo Utara atau Sabah. Kronologi berkenaan sejarah perkembangan eksplorasi minyak dan gas di Borneo Utara atau Sabah dibahagikan kepada tiga fasa masa berbeza iaitu dari tahun 1881 sehingga 1941, tahun 1942 sehingga 1963, dan tahun 1964 sehingga 1980 bagi memberikan kefahaman sejauh mana perkembangan eksplorasi minyak dilaksanakan ketika Borneo Utara ditadbir oleh British serta legasinya ketika Sabah telah berkerajaan sendiri dan membentuk Malaysia bersama Tanah Melayu dan Sarawak.

Sejarah Awal Eksplorasi Minyak oleh BNBC dari Tahun 1881 sehingga 1941

Data awal yang menyatakan penemuan minyak di Borneo Utara telah dikeluarkan pada tahun 1881 oleh Royal College of Chemistry, South Kensington, London. Laporan yang disampaikan oleh Francis Witt selaku penjelajah Eropah yang dilantik meneroka Borneo Utara seawal tahun 1877 kepada BNBC terhadap sampel yang diambil di Kudat adalah berkenaan jumpaan tirusan minyak semulajadi yang digunakan oleh suku Irranun sebagai lapisan pada permukaan perahu mereka (MISC/F/VII (1) 1881). Prospek cari gali minyak di Borneo Utara hanya mendapat perhatian serius daripada syarikat British menjelang tahun 1897 setelah sebuah konsesi dipersetujui antara Messrs Wallace & Co. dan BNBC berkenaan prospek cari gali minyak di kawasan Klias Peninsula, Pulau Lambiedan dan Kudat

Peninsula. Pada mulanya, kawasan yang diberikan konsesi ini hanya memfokus cari gali di kawasan daratan Borneo Utara sahaja.

Antara syarat yang dipersetujui dalam konsesi ini ialah: (1) Pajakan sementara dijamin untuk tempoh lima tahun dan (2) Apabila rizab minyak ditemui dalam tempoh lima tahun ini, satu jaminan pajakan selama tempoh 999 tahun harus diberikan (*Despatches, Chairman to Governor 1897*). Pada masa yang sama, tiada bayaran royalti perlu dibayar dalam tempoh 18 bulan selepas tempoh pajakan bermula dan hanya bayaran royalti sebanyak tiga dolar bagi setiap 65 lbs. minyak tanah yang dihasilkan sehingga \$100,000, manakala setiap 65 lbs. selepas itu berada pada kadar dua sen per 65 lbs. Dalam kes-kes tertentu, bayaran minimum royalti sebanyak \$6,000 setahun perlu dibuat.¹ Menariknya, rundingan dan syarat perjanjian rasmi berkenaan prospek cari gali minyak di Borneo Utara seawal tahun 1897 ini sebenarnya telah diperluas sehingga ke kawasan LCS. Secara spesifik, kawasan tersebut merujuk kepada kawasan Pulau Mengalum, dan hal ini menafikan laporan terkemudian yang menyatakan bahawa eksplorasi minyak di kawasan luar pantai hanya bermula pada tahun 1957 di Hankin Shoals, Labuan. Pernyataan dalam dokumen rasmi yang meminta eksplorasi diperluas sehingga ke kawasan Pulau Mengalum antara H.G. Forbes, Setiausaha BNBC, dan syarikat Wallace Brothers adalah seperti berikut:

We have the pleasure of accepting on behalf of our friends Messrs Wallace & Co. Bombay, the terms mentioned in your favour with the inclusion of the Island of Mangalum to which we understand you will agree. In regard to the additional territory adjoining the Klias concession already conceded by your letter of yesterday we understand from what you said at the interview with you yesterday that you may be willing to grant this for petroleum if we will agree to construct a saw mill on your territory ... of your proposed railways (*Despatches, Chairman to Governor 1897*).

Sungguhpun demikian, tiada rekod rasmi tentang operasi yang dilakukan oleh syarikat Wallace Brothers berkenaan perkara ini. Rekod terdekat yang menyatakan tentang eksplorasi minyak kemudiannya hanya diperolehi melalui kegiatan British-Borneo Petroleum Syndicate Limited (BBPSL) melalui Shell Company Dutch Borneo (SCDB) atau Nederlandsche Koloniale Petroleum Maatschappij (NKPM) yang menyatakan terdapatnya penyelidikan berkenaan minyak dilakukan di Borneo Utara dari tahun 1908 di kawasan seluas 440 batu persegi.

Menjelang tahun 1914, percubaan eksplorasi minyak di LCS hanya dibangkitkan semula selepas British mendapat hak pemilikan mutlak terhadap Pulau Mengalum dengan membeli pulau tersebut pada harga \$1,000 daripada Sultan Brunei. Keadaan

ini mengakibatkan beberapa syarikat cari gali minyak cuba melakukan eksplorasi di Pulau Mengalum. Misalnya, satu notis telah diterima oleh pesuruhjaya tanah daripada NKPM yang menyatakan bahawa mereka telah menjumpai dua telaga di Pulau Mengalum dan memohon kerja-kerja berkaitan dapat dilakukan segera. Notis ini disertakan bersama peta Pulau Mengalum dan sempadan kawasan pulau tersebut serta kawasan yang ditandakan sebagai kawasan yang ingin mereka pajaki. Permohonan dibuat daripada pejabat mereka di Rotterdam melalui BBPSL (*Despatches, Governor to Court of Director* 1914). Penggerudian cetek akhirnya dilakukan pada tahun 1916 namun tidak berjaya menemui prospek minyak. Tidak ada penggerudian lebih lanjut dilakukan sehinggalah Royal Dutch Shell Company (RDSC) memeriksa kembali kawasan itu dan menenggelamkan sejumlah lubang cetek pada tahun 1938 (*Colony of North Borneo Annual Report* 1960).

Sebelum itu pada tahun 1912, syarikat Anglo Saxon Petroleum (ASP – ditukar nama kepada Shell Company of British Borneo [SCOB] pada tahun 1938) ada melakukan cari gali minyak di Borneo Utara dengan melakukan penerokaan geologi singkat dan dua tahun kemudiannya pada tahun 1914, menggerudi telaga pertama mereka di Pulau Sebatik berhampiran Tawau (*The Straits Times* 1914a). Syarikat tersebut mendapat konsesi penggalan pertama mereka pada tahun 1934. Kawasan konsesi adalah seluas 21,545 batu persegi sekali gus menjadi peneraju program tinjauan geologi yang luas di Borneo Utara pada ketika itu. Walaupun begitu, syarikat-syarikat tersebut masih gagal menemui prospek minyak (AE/18/3/1985, 8).

Perkembangan Eksplorasi Minyak dan Gas Sabah dari Tahun 1942 sehingga 1963

Cari gali minyak di Sabah dalam tempoh sebelum dan selepas pendudukan Jepun didominasi oleh Shell Company of British North Borneo Limited (SCOB/NBL/SCONBL) yang memperoleh hak konsesi seluas 21,545 batu persegi. Namun demikian, sehingga tahun 1949, kebanyakan kawasan konsesi ini telah dilepaskan hak dan hanya 1,000 batu persegi kawasan konsesi yang dibenarkan meliputi Klias Peninsula, Dent Peninsula, Pulau Gaya, Pulau Mangalum, Pulau Mantanani dan sepanjang kawasan Pantai Barat Sabah. Menjelang tahun 1952, hak tambahan terhadap kawasan Labuan diperoleh, yang membawa kepada jumlah kawasan cari gali sehingga 1,305 batu persegi dan keluasan ini kekal sehingga bulan April 1975. Namun begitu, prospek terhadap minyak dan gas di Borneo Utara masih belum berjaya diusahakan pada tahun 1950-an (*Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia* 1950).

Era tahun 1950-an merupakan salah satu tarikh kritikal yang menarik untuk membincangkan tentang kegiatan cari gali minyak dan gas Borneo Utara di bawah pentadbiran British. Hal ini demikian kerana, akibat daripada pergolakan perundangan antarabangsa berkenaan hal-ehwal kelautan, pelbagai dimensi perundangan cuba dimanipulasi bagi membolehkan kedaulatan dan hak-hak eksklusif ekonomi dijalankan lebih jauh dari kawasan luar pantai. Antara perkara tersebut ialah tuntutan terhadap bahagian pelantar benua. Sebenarnya, perkara ini dipandang serius oleh British dengan mengambil kira situasi antarabangsa yang berlaku terhadap tuntutan pelantar benua antara kerajaan Australia dan Jepun pada tahun 1954 yang akhirnya dirujuk ke Mahkamah Antarabangsa (*Despatches and Savings from Secretary of State 1954*). Oleh sebab kerajaan Australia meminta pandangan kerajaan United Kingdom, persoalan berkenaan pelantar benua mula mendapat perhatian khusus daripada Jawatankuasa antara Jabatan di United Kingdom pada masa tersebut. Keadaan ini akhirnya membangkitkan minat pelbagai wilayah jajahan untuk menuntut bahagian tertentu daripada pelantar benua termasuklah kerajaan koloni British di Borneo Utara. Sebuah surat bertaraf sulit daripada setiausaha kerajaan jajahan bagi Borneo Utara kepada Pesuruhjaya Jeneral Asia Tenggara pada 13 April 1954 nampaknya cuba mempengaruhi tindakan untuk menuntut kawasan pelantar benua Borneo Utara di LCS. Antara kandungan surat tersebut berbunyi:

The greater part of the southern end of the South China Sea forms a basin with depths of less than 100 fathoms...the middle of the sea as a whole are a number of banks with depths of less than 100 fathoms and surrounded by greater lengths. The principal ones are the Vanguard, Prince Consort, Prince of Wales, Grainger and Rifleman Banks. These form the northern end of a chain of reef and banks, separated from each other by deep water, extending from the large area charted "Dangerous Ground", situated west of the north-west coast of Borneo and the southern end of the Philippines. Vanguard bank, the south-western one, is separated by about 20 miles only from the edge of the wide main shelf off Indo-China. Intervening depth are ill-charted but are apparently less than 200 fathoms...would seem to the disadvantage of United Kingdom interest to allow Indo-China to "Jump the Gap" here as such might also...an Indo-China claim to other banks in this very extensive chain. The "Dangerous Ground" lies mostly off Palawan but separated from it by depths of over 1,000 fathoms. The shortest distance between the edges of the shelves of the Philippines and the "Dangerous Ground" the charted danger line has been taken as the edge of the shelf although the edge of the shelf is not continuous. Little is known of this "Dangerous Ground": it is known to abound in reefs which are separated from each other by very deep water. To allow the Philippines to "Jump the Gap" to the "Dangerous Ground" would be against United Kingdom interest which would be better served by claims to individual banks. (*Despatches and Savings from Secretary of State 1954*)


Petikan tersebut diandaikan sebagai usaha British menuntut kawasan pelantar benua merangkumi kawasan *Dangerous Ground* ataupun juga dikenali sebagai Kepulauan Spratly pada masa kini. Antara fitur yang disebutkan adalah Vanguard, Prince Consort, Prince of Wales, Grainger dan Rifleman Banks yang secara tidak langsung dikhuatiri akan mudah diduduki oleh Indo-China (Vietnam) atau Filipina sekiranya tuntutan terhadap kawasan sehingga ke pelantar benua tidak dilakukan. Dalam surat yang sama, Setiausaha Kerajaan Borneo Utara nampaknya bersedia mengangkat isu ini atas dasar kekayaan hasil perikanan, sumber mineral dan minyak yang bakal menguntungkan kerajaan Borneo Utara pada masa tersebut:

I should be grateful for your views on the extract quoted from the Admiralty memorandum and to learn particularly whether there are any sedentary fisheries on off-lying parts of the continental shelf which are exploited exclusively by fishermen from North Borneo or in which these fishermen have an interest, and whether you consider that there is any prospect of exploration for mineral oil in these parts. (*Despatches and Savings from Secretary of State* 1954)

Oleh yang demikian, pada bulan Jun 1954, satu arahan telah dikeluarkan oleh setiausaha kerajaan bagi memaklumkan pemanjangan bidang kuasa (*jurisdiction*) untuk memperoleh kawalan terhadap pelantar benua (lihat Rajah 1). Menurut setiausaha kerajaan, keadaan ini adalah mengikut kebiasaan dalam amalan antarabangsa di kawasan perairan pada masa tersebut bagi tujuan mengesahkan kedaulatan dan mengaut keuntungan ekonomi yang boleh dihasilkan di kawasan pelantar benua. Secara lanjutnya, alasan yang dinyatakan adalah seperti berikut:

For a number of years oil has been mined in Brunei and Sarawak and the potentialities of North Borneo are now being investigated. Drilling has recently been carried out in the territorial waters of Brunei, and it is desirable that the resources of the seabed beyond the territorial waters of the three territories should also be explored so far as possible. It is becoming increasingly practicable to exploit such submerged resources and it is desirable in the interest of protection, conservation and orderly development that the exploitation of them should be properly controlled. The right of a littoral state to claim sovereignty over the seabed and subsoil adjacent to its coast in order to control over the exploitation of the natural resources therein has become established recently in international practice. Accordingly, the boundaries of North Borneo, Sarawak and Brunei have been extended under the provisions of the North Borneo (Alteration of Boundaries) Order in Council, 1954, the Sarawak (Alteration of Boundaries) Order in Council and Brunei Proclamation permit the Governments of these territories to exercise jurisdiction over the exploitation of the natural resources of the continental shelf adjacent to their coast. The status as high seas of the waters above the continental

shelf outside territorial water limits is not affected...in cases in which the continental shelf of any of the three territories mentioned extends to or is adjacent to the continental shelf of another state, it is intended that the boundary of the shelf shall be determined on equitable principles by agreement with the State in question. (*Despatches and Savings from Secretary of State 1954*)



Rajah 1. Statutory Instruments, The North Borneo (Alteration of Boundaries), Order in Council, 1954

Sumber: Despatches and Savings from Secretary of State (1954)

Meskipun wujudnya dokumen atau bukti fizikal berkenaan kejelasan sejauh mana kawasan pelantar benua bagi Borneo Utara, seperti yang dinyatakan secara rasmi pada tahun 1954, surat bertaraf sulit bertarikh 13 April 1954 yang dinyatakan tersebut seolah-olah memberi gambaran jelas bahawa kawasan pelantar benua yang dinyatakan mungkin merangkumi sebahagian daripada Kepulauan Spratly di LCS. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh kegagalan SCONBL meneruskan usaha cari gali minyak di Klias Peninsula dengan pengumuman penghentian operasi pengerudian di kawasan tersebut pada bulan Julai 1954 (*Singapore Standard*)

1954; *The Straits Times* 1954). Maka, tidak hairanlah prospek cari gali minyak di Sabah khususnya menjelang tahun 1958 mula diteroka sehingga ke kawasan luar pantai Borneo Utara (*Singapore Standard* 1958a; 1958b). Kesemua perkara ini diperkukuhkan dengan kegiatan yang dijalankan oleh SCONBL khususnya selepas mendapat Prospecting Licence (Marine Areas) daripada Gabenor Koloni Borneo Utara pada tahun 1958 (seperti dalam Rajah 2). Sebelum itu, SCONBL hanya aktif menjalankan kerja-kerja penyelidikan marin dalam menyediakan peta seismik luar pantai Borneo Utara (seperti dalam Peta 1). Terdapat 50 klausa secara spesifik dinyatakan dalam lesen yang ditandatangani antara Gabenor Koloni Borneo Utara, R.E. Turnbull, dan Pengarah SCONBL, R.E. Hales dan J.L. Winter pada 5 Mei 1958. Lesen ini antaranya jelas menyatakan cari gali minyak yang dikeluarkan merangkumi sebahagian pulau dan tanah yang memanjang di bawah wilayah perairan (*territorial waters*) sehingga pelantar benua Borneo Utara (MISC/C/2 1958).

H. V. I. BOSTER,
Collector of Stamp Duties.
6/5/58.

This Deed made the 5th day of May, 1958, between the GOVERNOR OF THE COLONY OF NORTH BORNEO (hereinafter referred to as "the Licensor" which expression includes the officer for the time being administering the Government of the said Colony) of the one part and SHELL COMPANY OF NORTH BORNEO LIMITED a company duly incorporated in England and having its head office at Labuan in the Colony of North Borneo (hereinafter referred to as "the Licensee") of the other part:

Whereas the Licensee has applied to the Licensor for an oil prospecting licence in respect of certain Crown lands specified in the Schedule marked "A" hereunder written comprising certain islands and land extending under the territorial waters and to the limits of the continental shelf of the Colony and has entered into a bond in the form set out in the Schedule marked "B" hereunder written with the Chief Secretary in the sum of ten thousand dollars conditioned for the due and faithful carrying out of the provisions contained in this Deed:

And Whereas the Licensor has found that there is no objection to granting the said Licence:

NOW THIS DEED WITNESSETH AS FOLLOWS

In pursuance of the aforesaid agreement and in consideration of the rents royalties covenants and agreements hereinafter reserved and contained on the part of the Licensee to be paid and observed the Licensor doth hereby grant unto the Licensee the sole right and licence (subject to the restrictions conditions and provisions hereinafter contained)—

(1) to explore and search the said lands for petroleum and for that purpose to make geological, geophysical and topographic examinations of the said lands;

(2) to enter upon the said lands and to search bore for win and work all or any petroleum lying or being within under or throughout the said lands without any interruption claim or disturbance from or by the Licensor or any other person or persons whomsoever;

(3) to carry away and dispose of any petroleum the produce of the said lands to and for the use and benefit of the Licensee; and

(4) to erect and bring upon the said lands and the sea lying over any part thereof such structures, drilling platforms, steam and other engines, pipelines, machinery and conveniences, chattels and effects as shall be proper and necessary for effectually carrying on the operations hereby licensed.

Reserving nevertheless to the Licensor or any other person authorised by him or entitled in law in that behalf full liberty and power at all times to enter into and upon the said lands and the seas over any part thereof for all and every purpose other than those for which this Licence is issued but subject to the rights hereby conferred:

Provided always that the said reserved liberties and powers in respect of the said lands exercised by the Licensor or any person authorised by him in that behalf shall be exercised and enjoyed in such a manner as not to hinder or interfere with the rights and privileges of the Licensee under these presents and that fair and



Rajah 2. Prospecting Licence (Marine Areas) antara Gabenor Koloni Borneo Utara dan SCONBL pada tahun 1958
Sumber: MISC/C/2 (1958)



Peta 1. Marine Seismic Surveys Offshore Area North Borneo oleh SCONBL pada tahun 1956

Sumber: P:22/89 (1956)

Kemudiannya, tahun 1957 juga memperlihatkan cubaan pertama pengeluaran minyak Borneo Utara di kawasan marin dengan kerja-kerja pemasangan pelantar dijalankan di Hankin Shoals (*Hankin-1*) utara Labuan (*The Singapore Free Press* 1957, 2.) Malangnya, penggerudian yang dimulakan pada tahun 1958 juga gagal. Walaupun begitu, perancangan segera terus dilakukan dengan penggerudian berterusan di kawasan Pulau Mangalum pada tahun 1959 (*Colony of North Borneo Annual Report* 1959; 1962). Dari tahun 1958, SCONBL masih meneruskan eksplorasi untuk menemukan minyak termasuk beberapa sumber mineral yang lain seperti tembaga, fosfat dan asbestos. Kesungguhan dalam pencarian minyak


dan gas di Borneo Utara semakin meningkat berikutan penemuan rizab minyak di perairan Filipina pada tahun 1959. Atas indikasi tersebut, sebuah syarikat Jepun telah memohon penerokaan yang dilakukan merangkumi sebahagian kawasan di Pantai Timur Borneo Utara (*Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia* 1959). SCONBL terus melakukan pencarian minyak termasuk eksplorasi penggerudian, geologi dan kerja geofizik. Sebuah telaga penerokaan yang dinamakan *Mangalum-1* telah digerudi pada kedalaman 6,997 kaki, namun tiada hasil minyak ditemui. Telaga tersebut kemudiannya ditinggalkan sehingga kering. Pada masa yang sama, mesin penggerudi mudah alih, *Orient Explorer* tiba di Labuan pada pertengahan tahun 1959 untuk meningkatkan program eksplorasi yang luas di sepanjang pelantar benua, termasuk kawasan pesisir Borneo Utara (*Colony of North Borneo Annual Report* 1959; *Singapore Standard* 1959). Kapal gerudi mudah alih seberat 6,120 tan ini dilengkapi dengan platform penggerudian serba lengkap dengan keupayaan menggerudi sehingga 10,000 kaki selain boleh memuatkan sehingga 60 krew dan dilengkapi dengan landasan helikopter (seperti dalam Rajah 3). Sebuah lagi kapal gerudi mudah alih berkeupayaan tinggi, *The Sidewinder* seberat 5,370 tan telah dibawa masuk ke perairan Borneo pada pertengahan tahun 1963 bagi meningkatkan keupayaan penggerudian di kawasan luar pantai (*Straits Times Annual* 1965).



Rajah 3. Kapal mesin gerudi mudah alih *Orient Explorer* di perairan Borneo pada tahun 1965

Sumber: Cabutan daripada *Straits Times Annual* (1965, 62–63)

Selebihnya, kerja-kerja yang dijalankan oleh SCONBL termasuklah menjalankan kajian geologi, geofizik, seismik dan laut serta paleontologi di Borneo Utara (*Colony of North Borneo Annual Report 1960; Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia 1960*). Selanjutnya, laporan dari tahun 1960 sehingga 1963 telah mengesahkan terdapat kebarangkalian hasil minyak dan gas di Borneo Utara muncul di pelbagai kawasan, umumnya di kawasan dengan batuan enapan yang lebih muda. Kawasan-kawasan ini secara spesifiknya merangkumi kawasan berhampiran Kudat, Pulau Mengalum, Hankin Shoals dan enam lokasi yang tidak disebutkan di kawasan LCS (*Colony of North Borneo Annual Report 1960; 1961; 1962; 1963*). Kerja-kerja penggerudian minyak dilakukan oleh Brunei Shell Petroleum Company Limited (BSPCL) bagi pihak SCONBL pada tahun 1960. Era 1960-an juga merupakan tarikh signifikan berlakunya operasi eksplorasi program penggerudian luar pantai secara besar-besaran menggunakan kapal *Orient Explorer*. Salah satu operasi kapal *Orient Explorer* pada tahun 1961 adalah percubaan eksplorasi minyak di Cochrane Shoals, Bintulu, oleh Sarawak Shell Oilfield Limited (SSOL) dan eksplorasi penggerudian telaga di Saracen Shoals, 15 batu sebelah barat dari Pulau Mengalum iaitu 45 batu dari pantai Borneo Utara yang dilakukan oleh SCONBL (*The Straits Times 1961, 7*). Sehingga tahun 1963, kawasan yang dilesenkan untuk pajakan minyak dan prospek sumber mineral di Sabah dijelaskan dalam *Peta 2*.



Peta 2. Kawasan yang diberikan pajakan minyak dan dilesenkan untuk pencarian mineral, 1961–1963

Sumber: Colony of North Borneo Annual Report (1961; 1962; 1963)

Petunjuk peta	Perincian
1	Pajakan untuk petroleum dan minyak mineral lain dianjurkan oleh Shell Company of North Borneo sehingga tahun 1988. Pajak untuk melombong arang batu dianjurkan oleh Labuan Exploration Company.
2, 3, 4, 5, 6	Pajakan untuk minyak mentah, gas semula jadi, tanah liat, serpih dan bahan bitumen lain dianjurkan oleh Shell Company of North Borneo sehingga tahun 2016.
7	<i>Marine Prospecting License</i> untuk petroleum dianjurkan oleh Shell Company of North Borneo sehingga tahun 1966.
8, 9, 10, 11, 12	Lesen mencari prospek dianjurkan oleh Naylor Benzon dan syarikatnya untuk kromit, bijih besi, magnetit dan mangan.
13, 14	Lesen mencari prospek dianjurkan oleh Naylor Benzon dan syarikatnya untuk kromit.
15	Lesen mencari prospek dianjurkan oleh Naylor Benzon dan syarikatnya untuk kuprum.
16	Lesen mencari prospek dianjurkan oleh Malayan Miners untuk kuprum, plumbum, bijih zink dan emas.
17	Lesen mencari prospek dianjurkan oleh Malayan Miners untuk bijih nikel.
18, 19, 20	Lesen mencari prospek dianjurkan oleh Soriano y Cia untuk kuprum, plumbum, bijih zink dan emas.
21	Pajakan kepada Borneo Mineral Development Limited untuk batu kapur kuari.

Sumber: *Colony of North Borneo Annual Report* (1961; 1962; 1963)

SCONBL sememangnya aktif menjalankan pelbagai program eksplorasi merangkumi pelbagai kluster dan tidak hanya memfokus kepada aktiviti cari gali minyak sahaja. Kajian geologi, geofizik dan survei seismik marin khususnya bagi kawasan luar pantai Borneo Utara telah menghasilkan beberapa dapatan berkenaan prospek sumber mineral dan semula jadi. Keadaan ini sudah semestinya diperkukuh dengan lesen rasmi yang telah dimeterai pada tahun 1958 menjadikan SCONBL sebagai pelopor eksplorasi luar pantai Borneo Utara. Situasi ini membolehkan kerjasama yang erat antara SCONBL dan Geological Survey Department, British Territories, Borneo yang dimanifestasi melalui aktiviti penyelidikan oseanografi ke LCS pada tahun 1963. SCONBL yang diwakili oleh Brunei Shell Petroleum Company (BSPC) dengan kerjasama tentera laut dan hidrografi British menggunakan kapal *HMS Dampier* telah melakukan ekspedisi selama 16 hari dari 23 Julai 1963 sehingga 8 Ogos 1963 dengan matlamat menjalankan kajian terhadap pelantar benua, kajian terhadap fitur batu dan terumbu karang, kajian topografi dan biodiversiti marin (*Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia* 1963).

Perkembangan Eksplorasi Minyak dan Gas Sabah dari Tahun 1964 sehingga 1980


Selepas Malaysia dibentuk bersama Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada tahun 1963, beberapa urusan hal ehwal negeri telah diserahkan kepada pentadbiran negeri masing-masing. Bagi negeri Sabah, pelbagai kementerian diwujudkan bagi menguruskan hal ehwal ekonomi dan sosial. Dalam urusan sumber semula jadi, Kementerian Sumber Semulajadi Sabah diwujudkan dan berperanan secara langsung berkenaan eksplorasi dan kajian sumber semula jadi di Sabah termasuklah dalam mengeluarkan permit atau lesen penggalian minyak. Meskipun era tahun 1960-an belum menampakkan hasil yang positif berkenaan hasil galian minyak dan gas, kerajaan Sabah tetap mengambil serius tentang prospek cari gali minyak dan gas Sabah. Antara inisiatif yang dilakukan adalah kerjasama antara kerajaan Sabah dan syarikat Esso Exploration Malaysia Inc. pada 1 November 1965 melalui pengeluaran *Oil Prospecting License* untuk tempoh 10 tahun bagi cari gali petroleum termasuklah kegiatan penyelidikan geologikal, geofizikal dan topografi bagi kawasan yang dilesenkan oleh kerajaan Sabah.

Lesen ini mengandungi 48 klausa termasuk Schedule A (Description of Area) dan Schedule B (Bond in Respect of Oil Prospecting License). Berbeza dengan Prospecting License (Marine Areas) yang dimeterai antara gabenor Borneo Utara dan syarikat SCONBL pada tahun 1958, interpretasi dalam klausa lesen ini tidak memasukkan kawasan pelantar benua Sabah sebagai kawasan yang diberikan kebenaran namun terbatas dengan tafsiran tanah sebagai “includes the sea-bed of the territorial waters” sahaja. Perbincangan berkenaan isu pelantar benua ini penting memandangkan prospek simpanan gas dan minyak sesebuah negara pesisir sudah pasti dan bakal bergantung sepenuhnya di kawasan ini.

Walaupun demikian, isu ini tidak bermaksud bahawa Sabah tidak mempunyai bidang kuasa terhadap pelantar benuanya semasa membentuk Malaysia pada tahun 1963. Perbezaan klausa ini mungkin disebabkan terdapat dua jenis lesen cari gali prospek minyak di Sabah iaitu lesen cari gali daratan dan lesen cari gali marin di samping faktor tertentu yang “mengehadkan” kuasa kerajaan Sabah untuk menentukan hala tuju eksplorasi luar pantainya. Namun demikian, harus difahami bahawa selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963, Perkara 1 (3) dan 2 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa wilayah bagi setiap negeri disebut dalam Fasal 2 ialah wilayah-wilayah yang terkandung di dalamnya sebaik sebelum Hari Malaysia dan undang-undang mengubah sempadan sesuatu negeri tidak boleh diluluskan tanpa persetujuan negeri berkenaan (dinyatakan oleh undang-undang yang dibuat oleh dewan undangan negeri terbabit) dan Majlis Raja-Raja (dalam Perlembagaan Persekutuan).

Hal ini bermaksud segala kuasa berkenaan sempadan dan perairan wilayah Sabah khususnya sebelum Hari Malaysia tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh kerajaan persekutuan. Perkara ini termasuklah berkenaan hal ehwal pelantar benua Sabah seperti yang termaktub dalam The North Borneo (Alteration of Boundaries) Order in Council, 1954. Persoalan yang timbul terhadap kenyataan ini ialah sama ada Sabah terus mempunyai hak terhadap petroleum yang ditemui di dalam sempadannya termasuk yang ditemui di kawasan luar pantai bersandar kepada jaminan yang sepatutnya dikekalkan menurut Artikel 1 (3) Perlembagaan Persekutuan ataupun tidak.

Persoalan tersebut mungkin dapat dijawab apabila kerajaan Sabah pada tahun 1969 masih boleh mengeluarkan lesen kepada syarikat cari gali minyak dengan termeterainya Oil Prospecting License (Marine Areas) pada 2 April 1969 (seperti dalam Rajah 4). Lesen ini ditandatangani oleh Ketua Menteri Sabah kepada syarikat Oceanic Exploration and Development Corporation (OEDC) yang diperbadankan di Kota Kinabalu, Sabah, untuk tempoh 10 tahun sehingga tahun 1979. Dalam 48 klausa yang dinyatakan, Klausa 1 (1) Interpretation Cap. 68 ada menyebutkan salah satunya tentang “*the licensed area*” yang merangkumi “*the land and continental shelf specified*” (MISC/C/4 *Oil Prospecting License Marine Areas* 1969). Beberapa klausa tertentu dalam lesen ini perlu diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pakar perundangan, memandangkan beberapa akta telah diwartakan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1960-an.



Rajah 4. *Oil Prospecting License* (MISC/C/3 1965), *Oil Prospecting License Marine Areas* (MISC/C/3/ 1965) dan *Oil Prospecting License Marine Areas* (MISC/C/4 1969)

Antara akta tersebut ialah Akta Pelantar Benua 1966, Akta Perlombongan Petroleum 1966 dan Ordinan Darurat (Perintah Penting) No. 7 1969 yang secara langsung memberikan implikasi terhadap persoalan pelantar benua Sabah dan hak terhadap pelesenan cari gali minyak, sumber semula jadi dan hasil pendapatan Sabah melalui prospek minyak dan gasnya. Kesemua elemen ini penting untuk diteliti secara mendalam kerana persoalan tentang pelantar benua sering dibincangkan dalam isu antarabangsa berkenaan kedudukan Malaysia di LCS. Namun demikian, atas semangat rakan kongsi antara Sabah dan kerajaan persekutuan, “sesuatu” perlu diselesaikan terlebih dahulu bagi memastikan Malaysia mampu lebih yakin menghadapi isu-isu antarabangsa berkenaan wilayah maritim bersama.

Seterusnya, kerajaan Sabah juga ada mengeluarkan lesen cari gali minyak kepada syarikat-syarikat yang lain seperti Sabah Teiseki Oil Company Sdn. Bhd. (STOC) pada bulan Mei 1969. Syarikat ini dimiliki oleh orang Jepun dan kawasan yang dilesenkan kebiasaannya terhad di bahagian pantai timur Sabah. Pernyataan ini dikukuhkan dengan pandangan Md Saffie (2016) yang menyatakan bahawa STOC yang mendapat konsesi daripada kerajaan negeri pada 23 Mei 1966 telah mendapat konsesi cari gali merangkumi kawasan seluas 4,670 batu persegi (Telok Sekong ke Pulau Berhala, Tanjung Bidadari ke Teluk Tangu, Tanjung Labian sehingga kawasan Lahad Datu dan Sungai Koyah, Kinabatangan, Kalabakan, Sungai Kelumpang ke Sungai Sipit, Pulau Bum-Bum ke Batu Tinagat, Merotai, Pulau Sebatik dan Serudong) namun kesemua aktiviti tersebut gagal menghasilkan sumber galian. Syarikat Jepun lain yang terlibat pada awal tahun 1970 ialah Sabah Marine Areas Company (SMAC) diketuai oleh Shingo Matsumura yang membuat penerokaan minyak di pantai Sandakan. Walaupun begitu, kesemua aktiviti ini juga dianggap gagal akibat daripada ketiadaan rekod yang menjelaskan kejayaan usaha cari gali mereka (Md Saffie 2016, 106).

Secara keseluruhannya, sehingga tahun 1972, terdapat lima buah syarikat atau firma utama yang menjalankan kegiatan cari gali minyak di Sabah. Selain Sabah Shell dan STOC, syarikat tersebut antara lainnya ialah Exxon Production Malaysia Inc. (EPMI) atau Esso Exploration (EE), Oceanic Oil Exploration (OOE – milikan Amerika) dan The French Firm Aquitaine Petroleum (FFAP) yang mendapat konsesi seluas 1,433 batu persegi. EE pada tahun 1972 telah berjaya mengeluarkan hasil minyak di kawasan Tembungo iaitu 50 batu dari Kota Kinabalu mengakibatkan kerja-kerja menyediakan pelantar berjumlah 50 juta di bahagian luar pantai Sabah sedang dalam proses pembinaan (*The Straits Times* 1972a, 1; 1972b, 10; *Daily Express* 1974). Rancangan ini menurut Menteri Industri Utama Malaysia, Datuk Taib Mahmud, adalah rentetan daripada penyelidikan di tiga telaga utama dari lapangan Tembungo yang dipercayai boleh dikomersialkan memandangkan hampir 2,000 tong sehari berjaya dihasilkan dan meningkat kepada 5,000 tong sehari pada tahun 1977 (*The Straits Times* 1972a, 1; *The Business Times* 1977a, 12).

Kejayaan ini sudah pasti menandakan era baharu yang positif dalam industri minyak Sabah. Laporan akhbar oleh *New Nation* menyatakan bahawa “Sabah is on the verge of an oil boom. Two of the five petroleum companies prospecting for ‘black gold’ in off-shore areas have struck gas pockets...the two gas strikes so far in Sabah waters have been made by the American Esso Oil Exploration Company and Japan’s Teiseki Company” (*New Nation* 1971, 13). Dalam akhbar tempatan yang lain, kerajaan Sabah berpendirian bahawa perkara ini merupakan satu langkah bagi mengatasi kemerosotan harga kayu balak yang menjadi punca utama pendapatan pengeluaran negeri tersebut (*Berita Harian* 1971, 4).

Cita-cita Sabah untuk bergantung kepada sumber baharu “emas hitam” mungkin hanya retorik memandangkan sehingga kini Sabah masih bergelut dengan isu pemberian royalti minyak. Situasi ini boleh digarap semula selepas kerajaan Malaysia memperkenalkan Akta Kemajuan Petroleum 1974 yang membawa kepada penubuhan Petronas. Akta ini digunakan oleh kerajaan persekutuan untuk pembangunan aktiviti perlombongan minyak dan gas di Malaysia. Akta ini memperuntukkan satu perbadanan untuk mencari dan mengeksploit petroleum sama ada di kawasan pantai atau luar pantai. Menurut akta ini juga, perbadanan diberikan hak keseluruhan pemunyaan terhadap petroleum, hak, kuasa, kebebasan dan keistimewaan eksklusif berkenaan dengannya, dan untuk mengawal perjalanan aktiviti penggunaan dan kemajuan berhubung dengan petroleum dan keluarannya (Akta 144 Akta Kemajuan Petroleum 1974).

Penubuhan Petronas juga membawa kepada titik penting dalam sejarah eksplorasi minyak di Malaysia setelah sistem perolehan pendapatan mula beralih daripada sistem konsesi kepada Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC). Sistem konsesi membolehkan kerajaan negeri mempunyai hak terhadap royalti atau cukai terhadap tanah yang mengandungi penemuan minyak dan gas di bawah laras undang-undang negeri, misalnya, enakmen perlombongan negeri masing-masing (Nor Aziah et al. 2014, 56). Berbeza dengan PSC, antara ciri-ciri yang dinyatakan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Program Geosains-CCOP (2004) ialah: (1) Royalti 10%, (2) Kos siling minyak 20%, (3) Pembahagian keuntungan pada nisbah 70:30 yang memihak kepada Petronas, dan (4) Cukai pendapatan petroleum sebanyak 38% dibayar oleh kedua-dua Petronas dan kontraktor kerajaan. Walaupun begitu, rejim fiskal pada tahun 1976 di bawah susunan PSC adalah dianggap sangat ketat dari segi siling kos minyak dan pecahan keuntungan mengakibatkan kerajaan Malaysia merangka semula rejim PSCnya mengikut kesesuaian pada tahun 1985 (Nor Aziah et al. 2014, 56). Persoalan penting yang timbul sejajar dengan perkembangan ini ialah “Sejauh manakah kesan sistem PSC terhadap syarikat cari gali minyak di Sabah dan Malaysia umumnya?” dan “Adakah Petronas mematuhi pembahagian ini berdasarkan sistem PSC terhadap Sabah memandangkan PSC

nampaknya diperkenalkan sejajar dengan penemuan dan penghasilan minyak di Sabah secara rasmi pada tahun 1975?”.

Keadaan ini juga menimbulkan persoalan tentang bagaimana kerajaan kolonial Borneo Utara dan kerajaan negeri Sabah memberikan konsesi terhadap syarikat cari gali minyak untuk menjalankan aktiviti penerokaan. Terdapat kelompangan dalam naratif antara tahun 1897 dan 1974 disebabkan oleh konsesi ini selalunya dipindah milik daripada satu syarikat kepada syarikat yang lain. Sebagai contoh, ketika konsesi dipersetujui antara Messrs Wallace & Co.-BNBC pada tahun 1897, syarat dan terma yang sama juga akan dipindahkan atau diguna pakai oleh syarikat kemudian seperti British-Borneo Petroleum Syndicate Limited (BBPSL) dan seterusnya berlanjutan setelah dimonopoli oleh syarikat Shell. Perbezaan paling ketara antara terma dan syarat ini hanyalah dari segi kawasan cari gali yang diliputi. Hujah ini dikukuhkan dengan kenyataan oleh Muhammad Anuar (1978, 43).

Pada masa yang sama, keadaan di wilayah Sabah agak unik daripada wilayah kolonial yang lain. Wilayah ini (Sabah-Sarawak-Brunei) yang boleh dikatakan telah mencapai kestabilan politik dan insentif penerokaan khas (Shell Group adalah milik British dan ketiga-tiga wilayah itu adalah tanah jajahan British), ditambah pula dengan penemuan beberapa telaga minyak utama dari lewat tahun 1963 sehingga awal tahun 1970-an, membantu mengekalkan aktiviti minyak yang berterusan di kawasan ini. Tidak seperti banyak kawasan lain dalam tempoh yang sama, hubungan antara syarikat minyak dan kerajaan adalah “baik” memandangkan wilayah-wilayah ini pada masa itu belum lagi terjejas oleh “gelombang” undang-undang dan dasar “nasionalistik” yang melanda. Maka, dari segi konsesi serta terma dan syarat penerokaan minyak di Sabah, pada awalnya, tidak terdapat pra-syarat yang begitu ketat dan banyak perubahan daripada konsesi awal tahun 1897. Hanya pada tahun 1974 kemudiannya, berlaku perubahan yang jelas setelah Malaysia terbentuk dan sebahagian hal-ehwal ekonomi dikawal oleh kerajaan Sabah sehinggalah Akta Petroleum diperkenalkan.

Pengukuhan kemuncak kepada terhasilnya sumber minyak dan gas Sabah berjaya membuahkan hasil menjelang tahun 1970-an dengan pengeluaran dari telaga minyak Sabah di stesen luar pantai oleh Shell Petroleum Company Limited (SPCL). Beberapa telaga yang ditemui dari tahun 1971 sehingga 1981 adalah *Erb West* (1971 – terletak di 80 km utara-barat Kota Kinabalu), *Samarang* (1972), *South Furious* (1974 – terletak di 130 km arah utara Kota Kinabalu), *Erb South* (1975), *St. Joseph* (1975), *Barton* (1976), *Ketam* (1977) dan *Lokan*, *South West Emerald* dan *South East Collins* (1979 sehingga 1981). Dari segi produktiviti, telaga minyak *Erb West* menghasilkan 1,800 tong sehari pada tahun 1973 manakala telaga *Samarang* menyumbang kepada pengeluaran tertinggi khususnya menjelang tahun 1975 dan

mencapai tahap pengeluaran purata sehingga 70,000 tong sehari sehingga tahun 1979 (*The Straits Times* 1973; AE/18/3/ 1985; *The Business Times* 1977b, 12).


Sebagai tambahan, sehingga tahun 1976, sebanyak 20 daripada 84 telaga minyak telah mengeluarkan hasil khususnya di *Samarang* (*The Straits Times* 1976b, 21). Dalam masa yang sama, sehingga tahun 1976, syarikat Esso telah mempunyai tiga kontrak kawasan bagi tujuan cari gali minyak iaitu seluas 10,500 batu persegi di Sabah dan 37,951 batu persegi di Terengganu (*The Business Times* 1976, 12). Maka, tidak hairanlah kejayaan cari gali minyak oleh syarikat Esso sebenarnya lebih tertumpu di bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia antaranya yang terawal di bahagian luar pantai Terengganu melalui telaga *Irong No. 1* dan beberapa telaga lain di lapangan Gayang dan Telok Barat yang boleh menghasilkan 86,000 tong minyak mentah sehari pada tahun 1979 (*The Business Times* 1978a, 7; 1978b, 2; 1978c, 11; 1979, 2).

Perkembangan aktiviti penerokaan minyak di LCS dalam perairan Sabah mula menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi produktiviti berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya adalah ketika berlakunya embargo oleh The Organization of the Petroleum Exporting Countries (OPEC) pada tahun 1973 terhadap penjualan minyak kepada Amerika Syarikat. Implikasi embargo yang membawa kepada kenaikan harga minyak sebanyak empat kali ganda dalam tempoh enam bulan mempunyai korelasi terhadap peningkatan produktiviti syarikat cari gali minyak di Sabah untuk cuba memaksimumkan keuntungan melalui penjualan hasil minyak dan gas Malaysia (Nasarudin 2006).

Dari segi tafsiran pendapatan, eksport minyak mentah dan petroleum Malaysia menunjukkan peningkatan sehingga 28% pada tahun 1975 dengan nilai \$869 juta. Berdasarkan laporan tahunan Bank Negara Malaysia, penghasilan minyak mentah meningkat sebanyak 23.4% bersamaan 36.5 juta tong dihasilkan daripada 18 buah telaga minyak di Sarawak dan 10 buah telaga minyak di Sabah iaitu 9.8% jumlah keseluruhan pengeluaran disumbangkan dari lapangan *Samarang* dan *Tembungo*, Sabah (*New Nation* 1976, 3). Seiring dengan perkembangan ini, pelbagai strategi bagi mengukuhkan penerokaan terhadap minyak Sabah mula diaturkan khususnya dalam memastikan hasil minyak Sabah dapat dinikmati oleh pelbagai pihak. Lebih tepat lagi, keadaan ini melibatkan persetujuan perkongsian pengeluaran minyak dan gas antara Petronas dengan Sarawak Shell Berhad (SSB), Sabah Shell Petroleum Company Limited (SSPCL), Pecten Malaysia Company (PMC) dan Exxon Production Malaysia Incorporated (EPMI) yang akan memberikan keuntungan dan kemakmuran ekonomi kepada Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh mantan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dalam sesi Dewan Rakyat pada November tahun 1976 (*Berita Harian* 1976, 1).

Berikutan daripada itu, satu perjanjian minyak (pembahagian keuntungan bernisbah 70:30) telah ditandatangani oleh Petronas, SSB dan SSPCL pada Disember 1976. Perjanjian yang ditandatangani memperuntukkan pemuliharaan kos maksimum 20% pengeluaran minyak dan 25% untuk gas dan royalti, serta 10% kepada kerajaan negeri Sabah. Baki 70% pengeluaran minyak dan 65% pengeluaran gas akan dibahagikan berdasarkan nisbah 70% kepada Petronas dan 30% kepada syarikat minyak. Perjanjian tersebut bermula (*backdated*) pada 1 April 1975, memberikan jangka masa 20 tahun untuk kedua-dua penerokaan, pengembangan dan pengeluaran minyak dan gas dengan jangka masa empat tahun untuk minyak dan 14 tahun untuk gas (*The Straits Times* 1976a, 16). Sebenarnya, percaturan Petronas ini memberi impak terhadap syarikat-syarikat minyak di Malaysia dan Sabah khususnya. Beberapa syarikat minyak utama di Sabah misalnya STOC dan Forex Ocean Exploration and Sabah Offshore (FOCSO) menghentikan operasi mereka serta merta pada tahun 1975 akibat ketidakpuasan hati terhadap terma yang dinyatakan oleh Petronas pada bulan Mei 1975 yang akan mengakhiri status mereka sebagai kontraktor (*The Straits Times* 1975, 1). Oleh yang demikian, tidak hairanlah hanya Shell Sabah dan Exxon (Esso) menjadi dua syarikat minyak utama yang mendominasi cari gali minyak di Sabah menjelang tahun 1976.

Lanjutan daripada itu, penerokaan minyak Sabah dimaksimumkan lagi oleh Shell Sabah dengan peruntukan sehingga MYR200 juta bagi memperkasa program luar pantai. Antara aktiviti yang dilakukan adalah dengan meningkatkan terminal simpanan minyak Samarang dengan kapasiti penyimpanan sehingga 410,000 tong dan pertambahan teknologi pelantar penggerudian minyak, *Grand Large, Marji* dan *Jumbo* yang akan ditempatkan di lapangan *Samarang* dan beberapa telaga baru di kedudukan 16 km selatan *Samarang* pada tahun 1977 (*The Business Times* 1977c, 2). Keadaan ini membawa kepada pembangunan lapangan atau telaga minyak Utara Sabah yang lebih terpencil dimulakan pada tahun 1979 dengan pemasangan saluran paip minyak bawah laut (*submarine*) terpanjang di Asia Tenggara pada garis pusat Utara Sabah selebar 144 batu, dengan diameter 20"/24". Jalur ini mula digunakan pada 31 Disember 1979 melalui produksi telaga *South Furious* (AE/18/3/ 1985). Pengeluaran minyak oleh Shell Sabah mampu mencecah sehingga 50,000 tong sehari di mana 7,000 tong sehari dihasilkan oleh telaga *South Furious* manakala *Samarang* konsisten menjadi penyumbang terbesar pengeluaran sehari (seperti dalam Rajah 5). Perkembangan ini mengakibatkan kerajaan Malaysia memperkenalkan National Depletion Policy pada Mei 1980 dengan matlamat menjimatkan sumber minyak dan gas di Malaysia (AE/18/3/ 1985).



Rajah 5. Jumlah tahap pengeluaran Sabah Shell Petroleum Company Ltd., 1974–1980 ('000 tong sehari b/d)

Sumber: Diubah suai daripada ANS: AE/18/3/ (1985)

Sebelum ini, pada tahun 1979, terminal minyak mentah Sabah telah dibina di Labuan dengan nilai MYR59 juta dan memberi kesan terhadap kerancakan perkembangan industri minyak Sabah pada ketika itu. Selaras dengan perkembangan ini, satu perjanjian berkenaan sumber minyak mentah dan gas asli dimeterai pada tahun 1980 antara Shell Sabah (diwakili oleh Pengerusi Shell Refining Company, Jan Ruiters), Petronas (diwakili oleh Pengerusi Eksekutif, Tan Sri Abdullah Salleh) dan kerajaan Sabah (diwakili oleh Datuk James Ongkili selaku Timbalan Ketua Menteri) yang membolehkan kerajaan negeri dibekalkan dengan minyak dan gas dari lapangan luar pantai Sabah di *Samarang*, *Erb West* dan *Ketam*. Dalam perjanjian tersebut, kerajaan Sabah telah berusaha untuk membiayai kos kemudahan yang diperlukan untuk membawa gas dan minyak ke daratan, namun, segala reka bentuk dan pemasangan akan diawasi oleh Shell Sabah (*The Business Times* 1980a, 2). Perkara ini disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk James Ongkili, dengan nada sedemikian, “Sabah will have full and unlimited use of dry gas to be extracted from these two fields, subject to the condition that the project for which gas is used shall be for the economic development of the state” (*The Business Times* 1980a, 2). Nyata, industri minyak dan gas Sabah-Sarawak sememangnya menjadi penyumbang kepada pendapatan Malaysia (seperti dalam Jadual 1). Buktinya, Petronas pada tahun 1980 dilaporkan menghasilkan pendapatan sehingga MYR2.2 bilion selepas cukai melalui 14 lapangan minyak yang dimiliki Petronas di Sarawak (*Bakau*, *Baram*, *Baronia*, *Betty*, *Fairley-Baram*, *Temanan*, *Tukau* dan *Lutong Barat*) dan Sabah (*Samarang*, *South Furious* dan *Tembungo*) (*The Business Times* 1980b, 3). Fakta ini diperkukuhkan lagi setelah

Malaysia menikmati hasil yang memberangsangkan melalui cukai eksais terhadap *Heavy Fuel Oils* (HFO; Minyak Bahan Api Berat) dan petroleum tempatan serta bayaran royalti yang diterima oleh kerajaan persekutuan daripada syarikat cari gali minyak di Malaysia.

Jadual 1. Pendapatan tahunan Petronas selepas cukai semenjak pembentukannya pada tahun 1975 sehingga 1980

Tahun	Jumlah pendapatan tahunan selepas cukai (USD juta)
1975	0.5
1976	250.7
1977	662.6
1978	674.7
1979	761.4
1980	2,203.3

Sumber: *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat* (1980, 7194)

Setelah kilang penapisan Shell dan Esso mula mengeluarkan produk petroleum tempatan selepas tahun 1963, kerajaan Malaysia mengenakan cukai eksais terhadap HFO keluaran tempatan dan petroleum yang dijual di negara ini (seperti dalam Jadual 2). Nilai cukai HFO telah meningkat daripada USD3.1 juta pada tahun 1963 kepada USD34.0 juta pada tahun 1976, menunjukkan terdapat peningkatan sebanyak lebih 10 kali ganda sejak tahun 1963. Bagi petroleum, nilai cukai yang dikutip pada tahun 1963 ialah USD13.6 juta dan meningkat sehingga USD205.0 juta pada tahun 1976 sekali gus mencatatkan peningkatan sebanyak 15 kali dalam tempoh 13 tahun dan melebihi nilai yang diperolehi melalui HFO. Bayaran royalti pula diperolehi selepas pelaksanaan Akta Pelantar Benua 1966 meliputi hasil dari persekutuan serta negeri Sabah dan Sarawak (seperti dalam Jadual 3). Berdasarkan jadual tersebut, kerajaan Sarawak merupakan satu-satunya penyumbang kepada bayaran royalti melalui Sarawak Shell Berhad sejak tahun 1969. Sabah melalui Sabah Shell Berhad dan Exxon pula hanya membayar royalti kepada kerajaan persekutuan selepas tahun 1973 apabila telaga minyak di Sabah mula terlibat dalam pengeluaran minyak dan gas. Sungguhpun begitu, nilai bayaran royalti mencecah hampir USD53 juta pada tahun 1975 oleh negeri Sabah dan Sarawak secara relatifnya membuktikan bahawa kedua-dua wilayah ini menjadi penyumbang dalam memakmurkan ekonomi Malaysia.

Jadual 2. Pendapatan kerajaan Malaysia melalui duti eksais petroleum, 1963–1976 (USD juta)

Tahun	HFO	Petroleum (petrol)	Jumlah duti eksais dari petroleum	Jumlah keseluruhan pendapatan eksais	% pendapatan petroleum kepada keseluruhan jumlah pendapatan eksais
1963	3.1	13.6	16.7	36.6	45.6
1964	17.3	51.5	68.8	90.3	76.2
1965	22.6	53.8	76.4	102.3	74.7
1966	21.9	67.2	89.1	133.9	66.5
1967	36.9	68.3	105.2	151.3	69.5
1968	41.6	71.9	113.5	165.3	68.4
1969	44.1	76.1	120.2	181.6	66.2
1970	40.6	76.9	117.5	248.7	47.2
1971	49.3	94.4	143.7	306.7	46.9
1972	61.2	126.7	187.9	366.0	51.3
1973	56.6	136.0	192.6	406.7	47.4
1974	45.2	154.2	199.4	442.5	45.0
1975	31.0	183.6	214.6	449.9	47.7
1976	34.0	205.0	239.0	453.0	52.8

Sumber: Diubah suai daripada Muhammad Anuar (1978, 400).

Jadual 3. Bayaran royalti dari hasil petroleum, 1969–1976 (USD juta)

Tahun	Persekutuan	Sabah Dan Sarawak	Jumlah
1969	–	1,197.7	1,197.7
1970	1,803.5	2,745.0	4,548.5
1971	14,814.0	2,775.2	22,592.2
1972	24,735.8	1,937.6	26,678.4
1973	36,877.8	1,475.7	38,353.5
1974	63,473.8	919.0	64,392.8
1975	62,096.2	52,909.7	165,005.9

Sumber: Diubah suai daripada Muhammad Anuar (1978, 390)

Kesimpulan

Sesungguhnya, makalah ini merupakan suatu kajian *exploratory* sejarah perkembangan industri penerokaan minyak dan gas di Sabah. Sorotan kajian mendapati penulisan sejarah berkenaan topik ini amat terhad melainkan beberapa kajian lepas historiografi Sabah yang telah menyentuh tentang penerokaan minyak

dan gas di daratan dan lautan Borneo Utara secara sepintas lalu. Justeru, hasil kajian bersifat *exploratory* ini bertujuan untuk menonjolkan kesedaran tentang keperluan kajian susulan sama ada yang berbentuk disiplin-spesifik atau rentas disiplin yang lebih komprehensif bagi memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh industri penerokaan minyak dan gas di Sabah.

Dalam pada itu, penulis ingin menyatakan bahawa pemahaman sejarah tentang kewujudan dan perkembangan industri minyak dan gas Sabah perlu diteliti semula memandangkan wujudnya pelbagai cabaran seperti isu royalti minyak, potensi hasil minyak dan gas Sabah, serta isu hubungan kerajaan persekutuan-kerajaan negeri Sabah berkaitan hak, penerokaan dan persoalan tentang pengagihan hasil sumber minyak dan gas. Justeru, dapatan kajian ini secara tidak langsung mewujudkan persoalan seperti “Adakah Sabah mempunyai sumber minyak dan gas yang banyak?”, “Bagaimanakah dengan tafsiran bagi hasil minyak dan gas di kawasan luar pantai?” dan “Adakah Sabah mampu meneroka sendiri potensi minyak dan gas tanpa campur tangan kerajaan pusat?”.

Secara tuntasnya, penerokaan minyak dan gas Borneo Utara di LCS sememangnya ada diusahakan menerusi alpukah BNBC. Data-data geologikal dan geofizikal membantu usaha eksplorasi oleh pelbagai syarikat yang dilantik oleh British seawal tahun 1897. Usaha cari gali minyak dilakukan di kawasan daratan Borneo Utara sahaja dan kemudiannya dilanjutkan sehingga ke wilayah lautan LCS, pertama sekali di Pulau Mengalum pada tahun 1914. Walaupun tempoh pentadbiran BNBC dari tahun 1881 sehingga 1941 tidak menemui hasil yang boleh dikomersialkan, eksplorasi minyak tetap diteruskan ketika Sabah ditadbir oleh kerajaan *Crown Colony* pada tahun 1950-an sekali gus membuka lembaran baharu tentang minyak Sabah. Seiring dengan kemajuan teknologi melalui kemasukan syarikat cari gali minyak berprofil tinggi seperti Shell, eksplorasi ke kawasan luar pantai Sabah mula dikukuhkan seiring dengan pindaan terhadap pelantar benua Borneo Utara 1954. Keadaan ini amat ketara bermula dari tahun 1954 sehingga 1980 ketika modal barat serta aspek teknikal, teknologi dan perkakasan penggerudian diaplikasikan khususnya apabila eksplorasi di luar pantai menjadi fenomena global. Situasi yang sama berlaku dalam perkembangan eksplorasi minyak dan gas Sabah menyebabkan syarikat cari gali minyak mula menggunakan pelbagai jenis teknologi bagi meneroka sumber minyak dan gas di luar pantai Sabah.

Seterusnya, penganugerahan prospek lesen marin pada tahun 1958 membolehkan penerokaan minyak dan pelbagai bidang kajian oseanografi dilakukan di luar pantai Borneo Utara sehinggalah di sebahagian Kepulauan Spratly, LCS. Kegiatan dan aktiviti ini tidak terhenti meskipun Sabah telah berkerajaan sendiri dan membentuk Malaysia bersama Tanah Melayu dan Sarawak pada tahun 1963. Legasi yang

ditinggalkan melalui sistem dan syarikat-syarikat British terus beroperasi di Sabah. Penglibatan syarikat-syarikat minyak lain di Sabah seperti Esso, STOC (milikan Jepun), OOE (milikan Amerika), FFAP (milikan Perancis) dan inisiatif penubuhan Petronas pada tahun 1974 menjadi peneraju terhadap industri minyak dan gas Malaysia. Semenjak itu, industri minyak dan gas Sabah yang masih “muda” dikawal oleh pihak kerajaan Malaysia bagi memastikan pelbagai dimensi kemakmuran ekonomi bersama dapat dicapai serta menjamin kedaulatan negara khususnya di bahagian Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) selaras dengan terbitnya Peta Baharu Malaysia 1979 dan pengenalan Dasar Kabotaj Negara pada 1 Januari 1980. Atas fakta sejarah inilah dikatakan bahawa kajian berkenaan eksplorasi minyak dan gas Sabah menarik untuk diamati semula. Hal ini demikian kerana eksplorasi sumber minyak dan gas oleh BNBC dan aktiviti mereka di LCS menandakan bahawa terdapatnya kehadiran dan aktiviti ekonomi di kawasan tersebut, lantas boleh menguatkan sokongan kepada tuntutan negara dalam pertikaian maritim di LCS berasaskan kepada prinsip “*effective occupation*”.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (DP KPT) atas pembiayaan kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Strategik *Translational Research* (TR@M001-2019) bertajuk “Sumber Semulajadi dan Potensi Pembangunan Strategik Ekonomi Luar Pantai Malaysia: Pulau Layang-Layang”.

Nota

1. Mata wang yang digunakan pada masa tersebut ialah *Straits dollar* (dolar Selat).

Bibliografi

- AE/18/3/. 1985. *Shell in Sabah*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah (ANS).
- Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia*. 1963. United States: Government Printing Office.
- _____. 1960. United States: Government Printing Office.
- _____. 1959. United States: Government Printing Office.
- _____. 1952. United States: Government Printing Office.
- _____. 1951. United States: Government Printing Office.
- _____. 1950. United States: Government Printing Office.
- _____. 1949. United States: Government Printing Office.
- Awang Sapawi Awang Jamil, Mona Liza Anwar and Eric, S.P.K. 1991. Geochemistry of selected crude oils from Sabah and Sarawak. *Bulletin of Geological Society of Malaysia* 28: 123–149.

- Berita Harian*. 1976. Petronas capai p'tujuan. 17 November.
- _____. 1971. Minyak: Negeri Sabah mempunyai harapan yang baik sekarang. 6 September.
- Burt, A. 1905. Notes on a journey through British North Borneo. *Scottish Geographical Magazine* 21(6): 312–315. <https://doi.org/10.1080/00369220508733573>
- Colony of North Borneo Annual Report*. 1963. Sabah, Malaysia: Government Printing Department.
- _____. 1962. Sabah, Malaysia: Government Printing Department.
- _____. 1961. Sabah, Malaysia: Government Printing Department.
- _____. 1960. Sabah, Malaysia: Government Printing Department.
- _____. 1959. Sabah, Malaysia: Government Printing Department.
- _____. 1958. Sabah, Malaysia: Government Printing Department.
- Daily Express*. 1974. Crude oil production starts in Sabah. 2 October.
- Despatches and Savings from Secretary of State*. 1954. Box No. Aiii (5). Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Despatches, Chairman to Governor*. 1897. Box No. Ai (8). Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Despatches, Governor to Court of Director*. 1914. Box No. Aii (2). Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Garver, J.W. 1992. China's push through the South China Sea: The interaction of bureaucratic and national interest. *The China Quarterly* 132: 999–1028. <https://doi.org/10.1017/S0305741000045513>
- Hayton, B. 2015. *The South China Sea*. New Haven/London: Yale University Press.
- Joo, J.L. 1979. *Geo-strategy and the South China Sea basin: Regional balance, maritime issues, future patterns*. Singapore: Singapore University Press.
- Mazlan Madon. 2021. Pelantar benua dari perspektif undang-undang laut: Suatu pengenalan. *Warta Geologi* 47(1): 19–28. <https://doi.org/10.7186/wg471202103>
- _____. 2020. Exploration and exploitation of non-living natural resources on the continental shelf beyond 200 nautical miles: A status review. *Bulletin of the Geological Society of Malaysia* 70: 17–28. <https://doi.org/10.7186/bgsm70202002>
- Md Saffie Abdul Rahim. 2016. Kegiatan ekonomi Jepun di Sabah, 1950-an hingga 1980-an: Peranan dan sumbangannya dalam pembangunan ekonomi. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 23(1): 97–119.
- MISC/F/VII (1). 1881. *Notes on a natural oil obtained from an "oil shale" in North Borneo*. 9 August. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- MISC/C/2. 1958. *Prospecting license (marine areas)*. The Governor of the Colony of North Borneo and Shell Company of North Borneo Limited. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- MISC/C/3. 1965. *Oil prospecting license*. The Minister of Natural Resources of the State of Sabah and Esso Exploration Malaysia Inc. 1 November. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- MISC/C/4. 1969. *Oil prospecting license (marine areas)*. The Chief Minister of the State of Sabah and Oceanic Exploration and Development Corporation. 2 April. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.

- Mohamad Jamaal Hoesni and Mohd Nasir Che Mood. 1995. History of hydrocarbon generation in the Tembungo field, offshore northwest Sabah. *Bulletin of the Geological Society of Malaysia* 37: 309–320. <https://doi.org/10.7186/bgsm37199521>
- Muda, J. 2010. Oil seepages at Kampung Minyak, Kudat Peninsula, Northern Sabah: Potential for geotourism development. *Bulletin of the Geological Society of Malaysia* 56: 49–52. <https://doi.org/10.7186/bgsm56201007>
- Muhammad Anuar Adnan. 1978. The petroleum industry in Malaysia. PhD diss., University of London.
- Nasarudin Md Idris. 2006. Oil for development: The experience of Malaysia. Paper presented at the Third OPEC International Seminar, OPEC in a New Energy Era: Challenges and Opportunities. Hofburg Palace, Vienna, Austria, 12–13 September.
- New Nation*. 1976. 28 pc increase in crude oil exports from Malaysia. 5 April.
- _____. 1975. Sabah's first shipment of crude oil. 30 August.
- _____. 1971. Gas finds put Sabah on the verge of an oil boom. 25 September.
- Nor Aziah Abd Manaf, Natrah Saad, Zuaini Ishak and Abdulsalam Mas'ud. 2014. Effects of fiscal regime changes on investment climate of Malaysia's marginal oil fields: Propose model. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 164: 55–61.
- P:22/89. 1956. *Marine seismic surveys offshore area North Borneo*. Sabah, Malaysia: Arkib Negeri Sabah.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat*. 1980. Parlimen kelima penggal kedua, jilid ii, bil. 58. 8 Disember. DR 0812-1980. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Ramkumar, M., Santosh, M., Mathew, M.J., Menier, D., Nagarajan, R. and Sautter, B. 2020. Hydrocarbon reserves of the South China Sea: Implication for regional energy security. *Energy Geoscience* 1(1–2): 1–7. <https://doi.org/10.1016/j.engeos.2020.04.002>
- Savage, J. 2011. Oil and gas potential of the area, seismic activities to date and the delays to hydrocarbon exploration caused by disputes. Paper presented at the International Conference on Joint Development and the South China Sea. Singapore, 16–17 June.
- Singapore Standard*. 1959. Modern barge for North Borneo oil exploration. 13 March.
- _____. 1958a. Oil contract is signed. 9 May.
- _____. 1958b. Shell signs oil right in Borneo. 9 May.
- _____. 1954. Shell give up search. 24 July.
- Snildal, K. 2000. Petroleum in the South China Sea: A Chinese national interest. MA diss., University of Oslo.
- Straits Times Annual*. 1965. Drilling the seabed. 1 January.
- Sullivan, A. and Leong, C. 1981. *Commemorative history of Sabah*. Kuala Lumpur: Sabah State Government.
- The Business Times*. 1980a. Sabah plans to produce natural gas by 1983. 20 June.
- _____. 1980b. Petronas makes M\$2.2 billion. 9 December.
- _____. 1979. Esso to install two more oil platforms. 16 June.
- _____. 1978a. Malaysia's oil industry plays a new role. 13 January.
- _____. 1978b. Esso strikes oil and gas. 18 February.
- _____. 1978c. Esso finds oil, gas at Irong Well. 23 February.
- _____. 1977a. KL crude selling at \$33 a barrel. 5 January.
- _____. 1977b. Shell, Pecten make strike off Sabah. 1 February.


- _____. 1977c. Sabah oil hunt picks up. 14 May.
- _____. 1976. Exxon reviews plans to step up drilling. 23 December.
- The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*. 1924. Borneo's oil find. 13 August.
- _____. 1910. British-Borneo Petroleum Syndicate (Limited). 4 May.
- The Singapore Free Press*. 1957. Quest for oil. 10 May.
- The Straits Times*. 1976a. It's 70-30-oil accord is signed. 1 December.
- _____. 1976b. Offshore oil: All is Set. 21 December.
- _____. 1975. Two more groups stop oil drilling. 9 October.
- _____. 1973. Sabah Shell strikes oil at sea. 23 January.
- _____. 1972a. Esso strikes oil off Sabah. 1 December.
- _____. 1972b. Esso to set up \$50 mil oil rig off Sabah. 3 December.
- _____. 1961. 8,000 ft down and no oil, so search is abandoned. 19 July.
- _____. 1954. Million \$\$ Borneo oil hope flops. 24 July.
- _____. 1914a. British-Borneo oil, progress of the geological surveys. 19 February.
- _____. 1914b. Petroleum in Borneo. 3 March.
- Tregonning, K.G. 1965. *A history of modern Sabah (North Borneo, 1881–1963)*. Singapore: University of Singapore.
- United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS)*. 1982. Retrieved from https://www.un.org/depts/los/convention_agreements/texts/unclos/unclos_e.pdf
- Zhang, J. 2011. China's energy security: Prospects, challenges and opportunities. Retrieved from <https://www.brookings.edu/research/chinas-energy-security-prospects-challenges-and-opportunities/>

Appendix

Appendix 1. Kronologi penting perkembangan eksplorasi minyak Sabah, 1881–1980


Tahun	Perincian
1881	Data pertama berkenaan penemuan titisan minyak oleh Francis Wittt di bahagian Kudat, Borneo Utara.
1892	Kapal tangki pertama Shell <i>S.S. Murex</i> membawa muatan minyak tanah pukal pertamanya untuk perdagangan di Singapura dan Tanah Melayu.
1897	Perjanjian konsesi pertama antara BNBC dan Messrs Wallace & Co. berkenaan prospek cari gali minyak di kawasan Klias Peninsula, Pulau Lambiedan, Kudat Peninsula dan Pulau Mengalum ditandatangani.
1902	Asiatic Petroleum Company ditubuhkan.
1907	Syarikat The Royal Dutch atau Shell Group ditubuhkan.
1912	The Anglo-Saxon Petroleum menjalankan survei geologikal singkat di Borneo Utara.
1914	Pengerudian pertama telaga minyak Sabah di Pulau Sebatik berhampiran Tawau.
1938	Shell Company of British North Borneo ditubuhkan.
1954	The North Borneo (Alteration of Boundaries), Order in Council, 1954 diperkenalkan.
1958	Cari gali minyak Borneo Utara dimulakan di kawasan luar pantai dan telaga luar pantai pertama yang digerudi terletak di perairan Labuan dengan nama <i>Hankin-1</i> .
1959	The Shell Marketing Company of Borneo Ltd. ditubuhkan.
1963	Sabah Shell Petroleum Company Ltd. ditubuhkan.
1966	Akta Pelantar Benua 1966 dan Akta Perlombongan Petroleum 1966 diperkenalkan.
1971	Sumber minyak pertama Sabah mula dihasilkan di kawasan <i>Erb West</i> .
1973	Perjanjian usahasama telah ditandatangani antara Sabah Shell Petroleum Company Ltd. dan Pecten Malaysia Company.
1974	The Petroleum Development Act (Akta Kemajuan Petroleum) telah dibuat membawa kepada penubuhan Petronas.
1975	Terminal minyak mentah Labuan telah siap sepenuhnya pada bulan Julai manakala hasil minyak mentah Labuan pertama yang dihasilkan dari telaga <i>Samarang</i> telah dihantar pada bulan September.
1976	Kontrak perkongsian pengeluaran telah ditandatangani antara Sabah Shell Petroleum Company Ltd., Pecten Malaysia Company dan Petronas.
1979	Pemasangan saluran paip minyak <i>submarine</i> terpanjang di Asia Tenggara di garis pusat Utara Sabah dan penerbitan peta baharu Malaysia.
1980	Dasar Kabotaj Negara (Malaysia) diperkenalkan dan perjanjian antara Sabah Shell Petroleum Company Ltd., Petronas dan kerajaan Sabah ditandatangani membolehkan kerajaan Sabah dibekalkan dengan sumber minyak dan gas yang dihasilkan dari telaga luar pantai Sabah di <i>Samarang</i> , <i>Erb West</i> dan <i>Ketam</i> .

Appendix 2. Peta yang menunjukkan ciri-ciri batimetrik di sebahagian daripada LCS yang dikeluarkan dalam laporan Jabatan Geologi British, Borneo pada tahun 1963



Sumber: *Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia* (1963, 120)

Appendix 3. Peta yang menunjukkan stesen-stesen utama yang ditandakan untuk tujuan penyelidikan semasa pelayaran kapal *HMS Dampier* di LCS. Kebanyakan daripada stesen ini termasuk dalam Kepulauan Spratly. Sebagai contoh, stesen D8 dan D7 (North Luconia Shoals), D62 (Ladd Reef), D70 (Spratly Island), D86 (Swallow Reef) dan D78 (Amboyna Cay)




Sumber: Annual Report of the Geological Survey, Borneo Region Malaysia (1963, 126)

Appendix 4. Peta menunjukkan sebahagian kawasan yang dilesenkan kepada Esso untuk cari gali minyak di kawasan daratan dan marin Sabah pada tahun 1965



Sumber: MISC/C/3 (1965)

Appendix 5. Lakaran semula yang diubah suai menunjukkan nama dan lokasi lapangan minyak utama di Sabah dan Sarawak sehingga tahun 1978*



Sumber: *The Business Times* (1978b); AE/18/3/ (1985)

*Nota: Lakaran peta Sabah dan Sarawak yang dipaparkan tidak mengikut skala rasmi pemetaan. Label pada bendera pula adalah berdasarkan bendera terkini yang digunakan dari tahun 1988.